

Khatan Perempuan:

AMALAN BUDAYA
ATAU AGAMA?



sisters in islam

Sisters in Islam

Khatan Perempuan: Amalan Budaya atau Agama?

Edisi Pertama 2023
© SIS Forum (Malaysia) (266561 W)

ISBN: 978-983-2622-49-9

Penulis: Ahmad Salami Zakuan

Penyunting

Isi Kandungan: Rozana Isa dan Syarifatul Adibah

Diterbitkan di Malaysia oleh:

SIS Forum (Malaysia)(266561 W) - (Sisters in Islam)

No. 4, Lorong 11/8E, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

T: +603 7960 3357 / 7960 5121 / 7960 6733

F: +603 7960 8737

E: sis@sistersinislam.org.my

<https://sistersinislam.org>

Reka Kulit Buku, Reka Letak & Ilustrasi

Teddie Goh • www.teddiegoh.com

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ahmad Salami Zakuan, 1992-

KHATAN PEREMPUAN : Amalan Budaya atau Agama? / Ahmad Salami Zakuan.

ISBN 978-983-2622-49-9

1. Female circumcision.
2. Islam--Customs and practices.
3. Circumcision--Religious aspects--Islam.
- I. Judul.392.1

Mana-mana bahagian terbitan ini boleh disalin, diterbitkan semula, diadaptasi, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan apa cara pun untuk memenuhi keperluan setempat, bukan untuk tujuan mendapat keuntungan dan tanpa perlu mendapatkan izin Sisters in Islam. Segala bentuk salinan, terbitan semula, adaptasi dan terjemahan secara mekanik, elektrik atau elektronik seharusnya memberi penghargaan kepada Sisters in Islam dan penulisnya sebagai sumber rujukan. Satu salinan sebarang bentuk terbitan semula, adaptasi dan / atau terjemahan harus dihantar kepada Sisters in Islam.

KANDUNGAN

Prakata 4

1 Apakah definisi khatan perempuan atau Female Genital Mutilation (FGM)? 6

2 Bagaimakah realiti dan amalan khatan perempuan 10 atau FGM di dunia?

3 Bagaimana pula realiti dan amalan khatan perempuan 14 di Malaysia?

4 Apakah pendapat pihak Majlis Fatwa Kebangsaan 20 dan Negeri berkenaan khatan perempuan?

5 Apakah pula pendapat ulama mazhab/klasik dan ulama 23 moden berkaitan khatan perempuan?

6 Apakah sumber hukum kepada perdebatan isu 28 khatan perempuan? Sejauh manakah analisis terhadap dalil-dalilnya?

7 Di manakah pendirian kerajaan Malaysia dalam isu 35 khatan perempuan?

8 Oleh kerana khatan perempuan juga melibatkan isu 37 kesihatan, maka apakah pendapat para pakar kesihatan?

9 Pendapat manakah yang kukuh dalam menilai amalan 41 khatan perempuan?

10 Apakah usaha yang boleh kita ambil untuk 45 menghentikan amalan khatan perempuan di Malaysia?

Glosari 49

Rujukan 51

PRAKATA

Isu khatan perempuan atau secara globalnya lebih dikenali sebagai **Female Genital Mutilation (FGM)** bukanlah perkara baharu dalam dunia Islam khususnya di Malaysia. Rekod kelaziman amalan dan dasar berkaitan khatan perempuan di Malaysia tidaklah bertambah baik walaupun Malaysia menandatangani Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) sejak tahun 1995 lagi sebagai komitmen untuk melindungi hak asasi perempuan dan kanak-kanak di Malaysia.

Pengamal amalan khatan perempuan di Malaysia majoritinya adalah orang Melayu Islam. Rata-rata kajian yang telah dijalankan menunjukkan amalan khatan ini dilakukan ke atas anak perempuan seawal bayi. Amalan ini turut berlaku di negara-negara jiran seperti selatan Thailand, Brunei, Singapura dan Indonesia yang mencatatkan di antara kes khatan perempuan tertinggi dunia selain dari di benua Afrika. Mengikut Asian-Pacific Resource and Research Centre for Women (ARROW)¹, khatan perempuan di Asia secara umum dilakukan senyap-senyap dan tidak dianggap satu masalah seperti di Afrika, walaupun ada insiden-insiden kemudaratannya berlaku di dalam komuniti di benua Asia ini.

Amalan khatan perempuan atau FGM mendapat kecaman di peringkat antarabangsa khususnya oleh badan-badan kesihatan dan pengamal perubatan yang melihat amalan ini lebih banyak membawa kemudaratannya walaupun didakwa sebagai tradisi budaya dan agama. World Health Organisation (WHO) dan United Nations Children's Emergency Fund (UNICEF) adalah antara badan berwibawa dunia yang lantang menentang amalan ini yang jelas melanggar etika kesihatan dan mencabul hak asasi perempuan serta kanak-kanak perempuan di seluruh dunia. Malaysia juga tidak terlepas daripada mendapat kritikan dari dalam dan luar negara. Ia diburukkan lagi dengan penafian berterusan daripada kerajaan Malaysia dalam isu ini dan sekaligus bakal membuka jalan-jalan kemudaratannya yang lebih besar kepada anak-anak perempuan masa kini dan akan datang.

Adalah amat penting untuk menilai kembali amalan turun-temurun yang memberi kesan fizikal dan mental kepada mangsa akibat dari amalan khatan perempuan ini. Melihat kepada haluan yang tidak menampakkan perkembangan positif walaupun ada usaha untuk menerangkan amalan ini dan kedudukannya dari segi perubatan di Malaysia, usaha yang lebih bersepadau, komprehensif dan efektif diperlukan untuk memberi kesedaran yang lebih dalam isu ini.

Maka, Sisters in Islam (SIS) selaku pertubuhan yang komited memperjuangkan isu hak-hak perempuan dan kanak-kanak di Malaysia, sekali lagi mengkaji dan mengupas apakah amalan khatan perempuan yang lazim diamalkan di Malaysia ini mempunyai asas dari segi perubatan dan pandangan-pandangan yang ada di sisi agama. Kami turut menyentuh realiti dan perkembangan amalan ini di peringkat nasional dan global. Terdapat juga soalan-soalan khusus yang membincangkan analisis terhadap teks-teks agama Islam yang didakwa menyokong amalan ini.

Semoga usaha untuk merungkai persoalan berkaitan khatan perempuan melalui buku ini dapat menjadi pemangkin menuju ke arah Malaysia yang bebas daripada amalan yang memudaratkan fizikal dan mental dan mencabul hak-hak asasi perempuan dan kanak-kanak di Malaysia. Selamat membaca.

¹ Al-Jazeera. Malaysia's anti-FGM advocates: Leave our bodies alone.

1

Apakah definisi khatan perempuan atau Female Genital Mutilation (FGM)?

Istilah *Female Genital Mutilation (FGM)* atau Pemotongan Genitalia Perempuan digunakan secara meluas oleh masyarakat dunia. Istilah semisal FGM yang dipakai dalam Bahasa Malaysia ialah “khatan” yang berasal daripada istilah Bahasa Arab. Istilah ini turut digunakan di Indonesia dan selatan Thailand. Istilah tidak formal lain yang digunakan secara meluas termasuklah “sunat/bersunat” dan frasa “masuk jawi” yang merujuk kepada khatan lelaki. “Sunat” ini berbeza maksudnya dengan istilah sunat dalam hukum-hakam fekah walaupun sebutannya sama.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mentakrifkan khatan sebagai “tindakan bersunat, bersuci, potong kulup orang Islam sewaktu masih kecil lagi. Khatan kanak-kanak perempuan adalah satu kebiasaan dalam masyarakat Islam.”² Pakar bahasa Arab dan ahli-ahli fekah seperti An-Nawawi membezakan istilah untuk lelaki dan perempuan.



Takrifan khatan perempuan dalam kamus bahasa Arab dalam talian, Al-Ma'any; “Al-Khifadh” berasal daripada kata dasar “Al-Khafdh” iaitu “khatan perempuan; memotong kulup kelentit”.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mentakrifkan FGM seperti berikut –



“...(FGM) comprises all procedures that involved partial or total removal of the external female genitalia, or other injury to the female genital organs for non-medical reasons”.

² <https://prpm.dbp.gov.my/CarianBestari?mode=ext&keyword=female+genital+mutilation>

“(FGM) terdiri daripada semua prosedur yang melibatkan pemotongan sebahagian atau sepenuhnya bahagian luar genitalia perempuan, atau kecederaan lain ke atas organ genitalia perempuan yang bukan bertujuan perubatan”.

WHO (2010) mengklasifikasikan tatacara amalan FGM ini kepada empat (4) jenis utama:

Jenis 1, Clitoridectomy:

Pembuangan sebahagian atau seluruh klitoris (kelentit) perempuan termasuklah preputium (kulit di sekitar klitoris).

Jenis 2, Excision:

Pembuangan sebahagian atau seluruh klitoris dan labia minora (bibir dalam vagina), dengan atau tanpa membuang labia majora (bibir luar faraj).

Jenis 3, Infibulation:


Penyempitan lubang faraj dengan memotong dan menyatukan dengan menjahit labia minora (bibir dalam faraj) dan/atau labia majora (bibir luar faraj) sehingga bersatu. Ia sama ada dengan memotong atau tidak memotong klitoris.

Jenis 4:

Segala jenis tindakan lain yang merosakkan genitalia perempuan tanpa tujuan perubatan seperti menusuk, menindik, menyayat, menggores, atau meregangkan genital perempuan.

Rajah di bawah merupakan jenis-jenis FGM yang diklasifikasikan oleh WHO:

Empat Jenis Pemotongan Genitalia Wanita



Jenis 1
Klitoridektomi

Jenis 2
Eksisi

Jenis 3
Infibulasi

Jenis 4
Ini merangkumi semua prosedur yang memudarātkan alat sulit wanita bukan untuk tujuan perubatan.

(Sumber: R.AGE, MStar, 2018)

Banyak istilah yang digunakan merujuk kepada pelbagai bentuk tata cara amalan di atas. Dalam buku ini, Sisters in Islam (SIS) menggunakan istilah khatan perempuan walaupun WHO selaku badan berautoriti kesihatan antarabangsa menggunakan istilah *Female Genital Mutilation (FGM)*. FGM merangkumi pelbagai jenis prosedur di atas yang diamalkan di dunia dan juga di Malaysia. SIS mengambil kira perbezaan istilah dan amalan FGM yang diamalkan di negara-negara lain dan apa yang diamalkan di Malaysia. Istilah khatan perempuan digunakan untuk merujuk kepada amalan yang diamalkan di Malaysia.


2

Bagaimakah realiti dan amalan khatan perempuan atau FGM di dunia?

Amalan FGM secara geografi dan sejarahnya banyak tertumpu di benua Afrika, khususnya bahagian utara Afrika. Gerry Mackie (1996) dalam tulisannya “*Female Genital Cutting: the Beginning of the End*” menyebut amalan ini berasal dari zaman Firaun Mesir dan Ethiopia purba bermula dari tamadun Meroite (800 SM – 350 M) (m. 267).

Berdasarkan data WHO, lebih daripada 200 juta orang kanak-kanak perempuan dan perempuan dewasa dikhatarkan atau melalui pemotongan genitalia di 30 buah negara yang melibatkan tiga benua utama iaitu Afrika, Timur Tengah dan Asia dan ia diamalkan secara meluas. 50% daripada angka tersebut adalah di Indonesia, diikuti Mesir (27 juta orang) dan Ethiopia (24 juta orang)³. Indonesia menduduki tangga ke-3 tertinggi dunia bagi statistik amalan FGM ke atas kanak-kanak yang berumur 0-14 tahun bagi tahun 2010 - 2015. Majoriti negara yang terlibat turut mengamalkan FGM ke atas kanak-kanak perempuan yang berumur kurang daripada 5 tahun mengikut data yang dikeluarkan oleh United Nations Children’s Fund (UNICEF).

Peta di bawah menunjukkan peratusan amalan FGM mengikut negara:



(Sumber: pengkalan data global UNICEF, 2021, berdasarkan Tinjauan Kluster Berbilang Penunjuk (MICS), Tinjauan Demografi dan Kesihatan (DHS) dan lain-lain tinjauan nasional, 2004 - 2020).

³ DW. UN: more than 200 million females affected by genital cutting.



Pelbagai kesan buruk telah dilaporkan akibat daripada amalan FGM di seluruh dunia. Antara komplikasi jangka pendek yang dialami adalah kesakitan yang menyeksakan, pendarahan berlebihan dan masalah buang air kecil. Kesan jangka panjang pula boleh mengakibatkan berlakunya peningkatan risiko sista ovarii, jangkitan kencing dan faraj, masalah haid, komplikasi bersalin, sakit berulang, ketiadaan kenikmatan seksual dan menjelaskan kesihatan mental. (*Where does the Arab world stand on female genital mutilation?*, 2018).

Pada tahun 2012, pertubuhan negara-negara majoriti umat Islam dunia iaitu Pertubuhan Kesatuan Islam (OIC), yang mana Malaysia adalah salah satu ahli anggotanya telah mengeluarkan pendirian menolak FGM dan menganggap amalan ini harus dihentikan. Ia tidak Islamik kerana membahayakan kesihatan fizikal dan psikologi mangsa. Dari segi perundangan, beberapa negara OIC telah mengharamkan FGM seperti Mauritania pada 2005, manakala Mesir serta Sudan pula pada 2008. Walaupun pada asalnya FGM adalah tradisi di negara-negara benua Afrika, akan tetapi ia tidak lagi diamalkan di kebanyakan negara di benua tersebut dan juga di negara majoriti umat Islam seperti Arab Saudi dan Algeria.

Mesir yang sebelum ini menjadi antara negara yang merekod amalan FGM yang tinggi turut menerima kritikan daripada ulama-ulama mereka sendiri. Di antaranya adalah Syeikh Rashid Ridha, bekas Mufti Besar Mesir; Syeikh Hasanain Muhammad Makhluf, Syeikh Sayyid Al-Tantawi, Syeikh Ali Jumu'ah serta bekas Mufti Besar Al-Azhar, Syeikh Mahmud Syaltut. Pada tahun 2006, *Dar al-Ifta' Al-Misriyyah*, sebuah badan agama dan fatwa Mesir telah menyimpulkan bahawa amalan FGM adalah sekadar amalan adat yang tidak ditemui kewajaran dan dalil sahih dalam Islam; sama ada melalui al-Quran dan sunnah Nabi. Kenyataan ini dibuat selepas badan ini mengadakan sesi libat urus sebuah persidangan antarabangsa bersama para saintis, aktivis dan ulama.

Walaupun kelaziman amalan FGM ini dilihat menurun secara relatif di peringkat global, namun perkembangan ini masih tidak memuaskan jika dibandingkan dengan kadar peningkatan populasi yang agak pesat. Jika perkembangan seperti ini berterusan, bilangan perempuan dan kanak-kanak perempuan yang akan melalui prosedur FGM akan terus meningkat dalam tempoh 15 tahun lagi menurut ramalan UNICEF (2016). Untuk rekod, pada masa ini seramai 3.6 juta kanak-kanak perempuan dan perempuan dewasa telah melalui prosedur FGM.




3

Bagaimana pula realiti dan amalan khatan perempuan di Malaysia?


Malaysia telah menandatangani pelan tindakan (*action plan*) dua buah persidangan antarabangsa iaitu *International Conference on Population and Development (ICPD) 1994* di Kaherah dan *World Conference on Women 1995 di Beijing* yang mengetengahkan isu hak seksual dan reproduktif yang menggesa kerajaan menghapuskan segala bentuk diskriminasi terhadap kanak-kanak perempuan termasuklah amalan berkhatan ini. Komuniti dunia menyahut kempen yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan meraikan “*International Day of Zero Tolerance for FGM*” yang jatuh pada 6 Februari setiap tahun.

Jenis FGM yang diamalkan di Malaysia menurut WHO dan pengkaji tempatan menunjukkan praktik yang diamalkan adalah **Jenis 1** (*Clitoridectomy*: pembuangan sebahagian atau seluruh klitoris perempuan) termasuklah preputium (kulit di sekitar klitoris) dan **Jenis 4** (segala jenis prosedur yang merosakkan tanpa tujuan perubatan seperti menusuk, menindik, menyayat, menggores, atau meregangkan genitalia perempuan). Ia lazimnya dilaksanakan oleh pengamal perubatan/doktor klinik swasta dan mak bidan tradisional di kampung-kampung (Musa, 2017).

Dalam satu kajian perubatan oleh Rashid dan Iguchi (2019, m.2), Malaysia mengamalkan FGM **Jenis 4** kerana ada prosedur yang melibatkan goresan pada sedikit tisu dan hujung kelentit menggunakan pisau cukur atau pisau kecil. Ia dilakukan ke atas bayi perempuan seawal umur satu atau dua bulan. Syarat minimumnya mesti keluar walaupun setitik darah.



Satu kajian yang dijalankan oleh Dr. Maznah Dahlui (2011) dimana beliau bekerjasama dengan *WHO* dan *United Nations Population Fund (UNFPA)*, mendapati **lebih daripada 93% perempuan Melayu dan Islam di Malaysia mengamalkan khatan atau salah satu jenis FGM ini**. Alasan utama yang diberikan dalam mengamalkan khatan adalah seperti berikut:




Kebanyakan ahli keluarga akan melakukan khatan pada bayi yang baru lahir sehingga mereka berumur pra-sekolah. 85% daripadanya berumur kurang dari satu (1) tahun (m. 2-8).

Majoriti responden perempuan dalam kajian tersebut percaya bahawa amalan ini hanyalah “sunat” dari segi hukum dan dianjurkan oleh Islam, akan tetapi tidaklah sampai kepada hukum “wajib” seperti yang dipercayai oleh satu perempat daripada responden yang lain. Kebanyakan mereka tidak mengetahui sumber amalan ini dalam Islam, cuma sebahagiannya mendakwa mereka ada mendengar daripada guru agama dan membuat rujukan sendiri terhadap hadis-hadis sedia ada.



Kajian juga mendapati majoriti responden yang terdiri daripada ibu yang mempunyai anak perempuan dan perempuan yang pernah menjalani prosedur berkhatan percaya amalan ini adalah ‘urusan perempuan’. Peratusan pembuat keputusan amalan berkhatan ke atas anak-anak perempuan adalah seperti berikut:



Setakat ini tiada garis panduan jelas daripada pihak berwajib kesihatan di Malaysia berkenaan piawaian tata cara pelaksanaannya. Walau bagaimanapun, ia telah menjadi debat kontroversi pada tahun 2012 apabila Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ada bercadang untuk mengklasifikasikan amalan tradisional ini sebagai sebahagian amalan perubatan melalui garis panduan yang dilihat akan lebih diterima di semua premis kesihatan awam. Ini bercanggah dengan apa yang disarankan oleh WHO sendiri.⁴

Mengikut pendapat pakar Perunding Perbidanan Sakit Puan, Hospital Sultanah Bahiyyah, Kedah, Dr. Murizah Mohd Zain “belum ada satu amalan standard khatan di negara ini, sebahagian besar pengamal perubatan menggunakan jarum kecil yang disteril atau nyah kuman sebelum melakukan sedikit goresan pada bahagian berkenaan... masalah utama mengenai sunat budak perempuan adalah teknik dan bahagian mana, saiz torehan atau pemotongan yang hendak dilakukan” (Khatan tak ‘seksa’ bayi perempuan, 2019).

⁴ ABC News. Malaysia storm over female circumcision.

Kajian Dr. Maznah Dahlui (2011) mendapati 50% daripada prosedur khatan ini dilakukan di rumah masing-masing diikuti 22% di klinik dan 21% di rumah pengamal lain. Ia selari dengan peratusan pengamal khatan perempuan yang mana majoriti (70%) dilakukan oleh bidan, diikuti oleh doktor, jururawat dan ahli keluarga sendiri (ibu, nenek dan guru). Julat upah untuk pengamal berbayar ini diantara RM30 hingga RM100 berdasarkan carian di internet mengikut kadar semasa.

Disebabkan faktor urbanisasi yang pesat dan kesedaran tentang kebersihan semakin meningkat, premis-premis kesihatan rasmi seperti klinik dan hospital mula mendapat tempat menggantikan kaedah tradisional. Peralatan yang digunakan oleh pengamal perubatan dinyaah kuman terlebih dahulu. Perkara ini disokong oleh dapatan kajian lain bagi pelaksanaan khatan perempuan, dan responden yang ditemuramah lebih cenderung supaya amalan khatan ini dilakukan oleh pengamal perubatan disebabkan faktor kebersihan. Salah seorang responden menyebut, "(Memilih) doktor, kerana ia bersih, ...mereka lebih berhati-hati".⁵

Namun, keadaannya berbeza dengan kaedah pengamal tradisional seperti bidan yang hanya menggunakan cucian biasa ke atas alatan yang digunakan seperti pisau pen, gunting kecil dan jarum.

Mengikut dapatan kajian di atas, komplikasi yang direkodkan pula berbeza-beza. Tiada komplikasi jangka masa panjang dilaporkan. Namun majoriti yang terlibat dengan prosedur khatan ini mendakwa mengalami komplikasi segera selepas ia dilaksanakan. Komplikasi jangka pendek tersebut bersifat sederhana seperti sakit sementara, pendarahan kecil dalam bentuk tompok darah dan selebihnya sakit ketika membuang air kecil.

Kita sebenarnya masih kekurangan data rasmi berskala besar dan intensif di peringkat nasional untuk memberi gambaran yang lebih

jelas tentang amalan ini dalam masyarakat Malaysia. Untuk rekod dunia setakat ini, kajian kali pertama dan rasmi telah dilakukan pada 2011 oleh pihak berkuasa di Iraq di kawasan komuniti Kurdish. Untuk negara-negara Asia Tenggara seperti Singapura dan Thailand, belum ada data rasmi nasional berkenaan praktik khatan perempuan di negara-negara ini.

Pada tahun 2013, Kementerian Kesihatan Indonesia telah melakukan kajian di peringkat nasional amalan khatan perempuan. Data dikumpulkan daripada responden dan ia melibatkan hampir 300,000 isi rumah. Maklumat dikumpul daripada ibu bapa atau penjaga yang ada anak perempuan berusia diantara 0 - 11 tahun dengan bertanya soalan-soalan seperti adakah anak perempuan mereka pernah dikhatakan, pada usia berapa mereka dikhatakan, siapa yang mencadangkan dan siapa yang melakukan prosedur tersebut?⁶

Kenapa data komprehensif berkaitan amalan khatan perempuan amat diperlukan sekarang? Data dan statistik inilah yang akan menentukan setiap tindakan pembuat dasar untuk menambah baik dasar berdasarkan maklumat, mengenal pasti masalah/isu yang timbul, mampu menentukan pendekatan strategik untuk setiap aspek, boleh menyokong pendekatan mampan dari masa ke semasa dan yang paling penting dapat memperbaiki kualiti hidup perempuan yang telah melalui prosedur khatan perempuan ini. Ia memberi satu kelebihan untuk bertindak dengan wajar dan berkesan apabila pendekatan berasaskan bukti (*evidence-based*) dan yang dipacu data (*data-driven*) ini dititik beratkan khususnya oleh pihak pembuat dasar negara yang mempunyai jentera, infrastruktur dan dana yang mencukupi.

Sudah tiba masanya kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil tanggungjawab mengendalikan kajian untuk mendapatkan gambaran yang jelas dan terperinci dan membuat dasar sewajarnya berkenaan amalan khatan perempuan di Malaysia.

5 Rashid dan Iguchi. m. 7.

4

Apakah pendapat pihak Majlis Fatwa Kebangsaan dan Negeri berkenaan khatan perempuan?

Walaupun tiada undang-undang yang mewajibkan perempuan Islam di Malaysia melalui amalan ini, namun fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama negeri-negeri mempunyai nilai pemberat yang signifikan dalam masyarakat. Umumnya, fatwa yang dikeluarkan tidak membezakan tata cara khatan bagi kanak-kanak dan perempuan dewasa.

Di bawah ini adalah senarai fatwa dan pendapat pihak berkuasa agama di Malaysia yang berjaya dikumpul setakat ini:

	NEGERI	FATWA
1	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM, 2009)	Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum berkhatan bagi perempuan adalah wajib . Walau bagaimanapun, sekiranya ia boleh membawa kemudarat kepada diri, maka ia perlu dielakkan.
2	Perlis (2017)	Adapun khatan bayi perempuan yang dilakukan oleh sebahagian masyarakat tanpa merujuk keperluannya kepada pakar merupakan amalan yang tidak mempunyai apa-apa asas dalil syarak , bahkan mungkin mendedahkan bayi kepada kemudarat jika dilakukan dengan cara yang salah. Andaian bahawasanya rangsangan seks berlebihan pada perempuan disebabkan tidak berkhatan adalah tidak memiliki apa-apa alasan yang kukuh. ⁷
3	Wilayah Persekutuan (2016)	Kami mentarjihkan ⁸ pendapat bahawa wajib hukumnya berkhatan bagi lelaki dan perempuan.

⁷ Mufti Perlis, Dr Mohd Asri berpendapat kanak-kanak ada haknya sendiri dan tidak sepaututnya dikhatan, melainkan jika anak sudah meningkat umur dan dengan sukarela ingin melakukannya sendiri.

⁸ Tarjih bermaksud menguatkan sesuatu pendapat berbanding pendapat-pendapat lain.

	NEGERI	FATWA
4	Negeri Sembilan (2012)	Muzakarah setuju memutuskan bahawa hukum khatan perempuan adalah wajib .
5	Johor (2012)	Harus jika dilaksanakan oleh pengamal perubatan yang bertauliah dan terlatih.
6	Kedah*	Wajib.
7	Selangor*	Wajib.
8	Sarawak*	Hukum berkhatan bagi anak perempuan menurut sebahagian ulama' ialah sunat .
9	Sabah*	Harus.

* Hukum bagi negeri-negeri bertanda ini diperoleh melalui panggilan telefon kepada jabatan mufti dan soal jawab agama jabatan agama negeri di laman sesawangnya.



5

Apakah pula pendapat ulama mazhab/klasik dan ulama moden berkaitan amalan khatan perempuan?

Pendapat para ulama dalam menetapkan hukum bagi isu ini berbeza-beza kerana dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Umumnya, ulama silam mengeluarkan hukum serta ‘illah atau sebab berkenaan khitan perempuan hanya terhad kepada hukum wajib, sunat atau makrumah (kemuliaan) dan membawa maksud anjuran kepada amalan ini.

Ada ulama yang kemudiannya menilai dan menetapkan hukum seperti **harus** bahkan menghukum **haram** terhadap amalan ini. Di bawah ini disenaraikan nama ulama mengikut zaman berserta sebahagian fatwa mereka:

ZAMAN	FATWA	PENDAPAT ULAMA
Klasik ⁹	Wajib	<ol style="list-style-type: none"> Imam As-Syafi'i: “Wajib khitan ke atas perempuan, iaitu dengan memotong daging yang timbul antara labia” (<i>Al-Khulasah Al-Fiqhiyyah</i>) Imam Ahmad bin Hanbal: “Untuk perempuan ada dua riwayat, jelas kedua-duanya wajib” (<i>Al-Ma'aani Al-Badi'ah</i>) Ibn Taimiyah: “Tujuan daripada khitan perempuan untuk menyederhanakan nafsunya” (<i>Majmu' Al-Fatawa</i>) Ibn Hajar Al-Haitami, ulama mazhab Syafii: “Kerana ia menambahkan kenikmatan dalam persetubuhan” (<i>Tuhfah Al-Muhktaj fi Sharh al-Minhaj</i>) Al-Dimyati, ulama mazhab Syafii: “Kerana ia meningkatkan kenikmatan dalam jimak” (<i>Tanah Al-Talibin</i>) Al-Syanqiti, ulama mazhab Hanbali: “Khitan ini disyariatkan untuk mengurangkan syahwat pada perempuan. Jika perempuan keadaannya

ZAMAN	FATWA	PENDAPAT ULAMA
Klasik	Wajib	dibiarkan seadanya, syahwatnya akan membuka, oleh sebab itu syahwat perempuan menjadi sederhana dengan khitan” (<i>Syarh Zaad Al-Mustaqni' fi Ikhtishar al-Muqni'</i>)
	Sunat atau Makrumah (kemuliaan) untuk perempuan	<ol style="list-style-type: none"> Imam Abu Hanifah: “Khitan tidak wajib pada asalnya kepada lelaki dan juga perempuan, bahkan mustahab (sunat)” (<i>Nihayah Al-Mathlab fi Dirayah Al-Mazhab</i>) Imam Malik: “Ianya sunat muakkad dan mustahab” (<i>Al-Aziz Syarh al-Wazir</i>) Al-Qarafi, ulama mazhab Maliki: “Tidak ada khilaf dalam hadis ini tentang ianya bukan wajib, sebagaimana memotong kuku dan lain-lain yang bukan perkara wajib” (<i>Al-Dakhiirah</i>) Badruddin Al-'Aini, ulama mazhab Hanafi: “Bagi perempuan, ia sesuatu yang dimuliakan, iaitu pada hak suaminya, bersetubuh dengan perempuan yang dikhatarkan itu lebih nikmat” (<i>Al-Binayah fi Syarh Al-Hidayah</i>) Al-'Adawi, ulama mazhab Maliki: “Sesungguhnya khitan itu kemuliaan, kerana ia menjadikan suami berwajah girang, ia juga memperbaiki jimak untuk suami” (<i>Hasyiah Al 'Adawi</i>). Ar-Rafi'e, ulama mazhab Shafii menyatakan khitan perempuan hanyalah sunat/makrumah. Namun, pendapat beliau dianggap ganjil oleh imam-imam lain dari mazhab Shafii.

⁹ Para ulama yang hidup pada kurun pertama selepas kewafatan Nabi SAW sehingga kurun ke-18 Masihi.

ZAMAN	FATWA	PENDAPAT ULAMA
Moden ¹⁰	Harus/ Haram	<p>1. Dr. Wahbah Az-Zuhaili: “Jika seorang perempuan tidak melakukan khatan, tidak ada dosa ke atasnya, kerana itu merupakan haknya dan satu bentuk penghormatan atas pendapat yang rajih¹¹ dan ianya bukanlah wajib dan tidak perlulah kamu mewajibkannya” (<i>Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu</i>)</p> <p>2. Dr. Yusuf Al-Qaradhawi: “Tidak ada keraguan lagi apabila merujuk kepada al-Quran, sunnah, ijmak dan qiyas. Kami dapat bahawa tidak ada dalil daripada semua sumber ini merujuk kepada kewajipan atau sunat bagi khatan perempuan” (<i>Al-Hukm al-Shari’i fi Khatan al-Inath</i>)</p> <p>3. Ali Jumu’ah: “Khatan diamalkan sebagai adat sosial (bukan perintah agama) dan menjadi kewajipan agama untuk menyatakan amalan khatan pada hari ini haram dalam Islam. Nabi (s.a.w) tidak melakukan ke atas anak-anak perempuan baginda dan tidak dikira ibadah” (<i>Dar al-Ifta’ Al-Misriyyah</i>)</p> <p>4. Dr. Muhammad Salim Al-Awwa: “Amalan khatan ini hanya menjadi tradisi budaya sebahagian kecil masyarakat Arab” (<i>FGM in the Context of Islam</i>)</p>

ZAMAN	FATWA	PENDAPAT ULAMA
Moden	Harus/ Haram	<p>5. Al-Syaukani: “Yang benar adalah, tidak terdapat dasar hukum yang sahih yang menunjukkan kewajipan khatan” (<i>Nail Al-Authar</i>)</p> <p>6. Mahmud Syaltut: “Khatan adalah amalan kuno yang diketahui oleh ramai orang sejak zaman awal sejarah dan ia kekal diamalkan sehingga datangnya Islam... apa yang saya lihat adalah hukum khatan tidak mempunyai dalil-dalil wahyu tetapi ia berkaitan tentang hubungan lelaki dan perempuan yang tertakluk kepada kaedah syarak umum iaitu: perbuatan yang menyakiti makhluk hidup adalah tidak dibenarkan melainkan ia mendatangkan maslahat dan maslahat itu hadir dan menumbuh setelah kesakitan itu dikenakan...” (<i>Al-Fatawa</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ulama zaman kontemporari yang merujuk kepada pakar perubatan dalam mengeluarkan hukum cenderung mengeluarkan fatwa bahawa agama tidak menggalakkan bahkan melarang (haram). • Faktor-faktor lain dalam pertimbangan fatwa ulama moden - status hadis, kefahaman tentang matan hadis dan bukti perubatan. • Kaedah fekah yang digunakan: <ul style="list-style-type: none"> - <i>Sadd Az-Zaraie'</i> سد الذرائع (menutup jalan-jalan kemudarat). - <i>La Dharar wala Dhirar</i> لا ضرر ولا ضرار (tidak mudarat dan memudaratkan).

¹⁰ Ulama pada zaman ini selain mengambil rujukan klasik sebagai sandaran, mereka juga mengambil semangat tajdid (pembaharuan), islah (reformasi) dan modernisme dalam mengeluarkan pendapat/fatwa. Dianggarkan mereka hidup dari kurun ke-19 Masihi. Banyak pendapat mereka telah merubah landskap perbincangan fatwa-fatwa klasik dengan fatwa baharu yang progresif dan mengangkat isu hak asasi manusia.

¹¹ Rajih: Kuat.

6

Apakah sumber hukum kepada perdebatan isu khatan perempuan? Sejauh manakah analisis terhadap dalil-dalilnya?

Apakah terdapat ayat al-Quran yang menyebut tentang khatan perempuan ini?

Tiada satu ayat pun dalam al-Quran yang menyebut tentang khatan perempuan.

Apakah jenis hadis yang diterima pakai dalam perbincangan ini?

Perbincangan hadis-hadis utama yang berkaitan dengan amalan khatan perempuan hanya terhad kepada hadis jenis *marfu'* (مرفوع)¹², bukan hadis jenis *mauquf* (موقوف)¹³ atau *maqtu'* (مقطع)¹⁴. Ini kerana sesuatu hukum hanya dapat ditetapkan hanya dengan hadis *marfu'* (Abadi, 2009).



12 Hadis *marfu'*: Perkara yang disandarkan kepada Nabi (s.a.w) sama ada perbuatan, perkataan dan juga taqrir iaitu berdiam diri atau tidak menyanggah pendapat.

13 Hadis *mauquf*: Perkara yang disandarkan kepada para sahabat sama ada perbuatan, perkataan dan juga taqrir.

14 Hadis *maqtu'*: Perkara yang disandarkan kepada para tabi'in (generasi selepas sahabat) sama ada perbuatan, perkataan dan juga taqrir.

Apakah hadis-hadis yang sering dikaitkan dan statusnya?

Berdasarkan analisis data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji hadis tempatan, Mohd Amirul Hassan (2019) berkaitan perbahasan para ulama, terdapat 4 buah hadis teras yang dijadikan hujah dalam menetapkan hukum khatan perempuan ini.

Hadis-hadis di bawah ini telah dikategorikan kepada status sahih dan tidak sahih berdasarkan analisis sanad (rangkaian periyat) dan *matan* (kandungan teks).

Hadis-hadis Sahih

i. Hadis Fitrah Lima Perkara

Daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda:

الْفَطْرَةُ خَمْسٌ: الْخِتَانُ، وَالاسْتِحْدَادُ، وَنَتْفُ الْإِبْطِ، وَقَصُّ الشَّارِبِ، وَتَقْلِيمُ الْأَظْفَارِ

“Fitrah itu ada lima; berkhatan, mencukur bulu kemaluan, mencabut bulu ketiak, memendekkan misai dan memotong kuku”
(H.R. Al-Bukhari dan Muslim).

Status sanad: Sahih. Hadis ini menjadi sumber hukum bagi ulama yang mengeluarkan hukum wajib seperti Al-Mawardi, As-Syafii dan hukum sunat seperti Al-Qarafi.

Analisis Matan: Mengikut Ibn Abd al-Barr (1387H), hadis ini tidak boleh diumumkan terhadap lelaki dan juga perempuan. Hadis ini tidak kuat untuk dijadikan hujah bagi menetapkan hukum khatan untuk perempuan atas faktor kesamaran dalam penetapan makna hadis. Hadis ini tiada perintah khusus terhadap perempuan dan menetapkan hukum khatan itu wajib mahupun sunat.

ii. Hadis Bertemu Dua Khitan

Daripada Aisyah RA, isteri Nabi berkata:

إِذَا تَقِيَ الْخَتَانَ فَقَدْ وَجَبَ
الْغَسْلُ

“Apabila bertemunya
dua khitan (kemaluan
lelaki dan perempuan,
ertiinya jimak), maka
wajiblah mandi”

(H.R. Ibn Majah,
Ahmad dan Tirmizi).



Status sanad: Sahih. Hadis ini sekali lagi menjadi sumber hujah bagi ulama yang menyokong amalan khatan perempuan seperti Ibn Qudamah dan Abu Al-Ashbal Az-Zuhairi.

Analisis Matan: Apa yang dapat difahami dan diambil hukum daripada hadis ini, ia adalah harus dan bukanlah sunat atau wajib. Hadis ini berada dalam hal perkhabaran dan tiada petunjuk perintah untuk melakukan khatan ke atas perempuan. Ahli fekah menetapkan hukum wajib atau sunat berdasarkan kata perintah mengikut kaedah fekah: sesuatu perintah menunjukkan kepada hukum wajib. Sementelah hadis ini termasuk dalam sunnah *taqririyah* (diam dan setuju Nabi), maka tidaklah menunjukkan kepada pensyariatan wajib atau sunat seperti yang disebut oleh Dr. Yusuf Al-Qaradhawi.

Hadis-hadis Tidak Sahih

iii. Hadis Bidan Ummu ‘Atiyyah

Hadir ini mempunyai 6 jalur periyawatan yang berbeza di kalangan sahabat Nabi (s.a.w) (Anas bin Malik, Ali bin Abu Talib, Ummu Atiyyah, Dahhak bin Qays, Abdullah bin Umar dan Atiyyah Al-Qurzi).

Nabi (s.a.w) berkata kepada Ummu Atiyyah, seorang bidan khatan perempuan di Madinah:

إذا خضت فأشمي ولا تنهكي، فإنه أسرى للوجه وأحظى عند الزوج

“Jika engkau menyunat perempuan, maka sisakanlah sedikit dan janganlah dipotong berlebih-lebihan. Sesungguhnya itu lebih mencantikkan wajah (perempuan-perempuan yang bersunat) dan lebih disenangi suami”
(H.R. Al-Tabrani, Al-Baihaqi dan Al-Baghdadi).

Status sanad: Setelah diteliti semua jalur hadis ini, didapati keseluruhanya dinilai daif, sangat daif dan palsu oleh ulama hadis. Diantara kritikan terhadap perawi-perawi hadis ini adalah *munkar, majhul, jahalah*, pemalsu hadis dan pendusta hadis. Hadis lemah seperti ini tidak boleh dijadikan sumber hukum termasuk menetapkan hukum wajib atau sunat terhadap amalan khatan perempuan.

Analisis Matan: Disebabkan sanadnya adalah tidak sahih, maka matannya juga adalah lemah melainkan jika ada sokongan daripada hadis sahih lain. Namun, jika hadis ini sahih sekalipun, ianya masih belum kuat untuk menjadi dalil bagi menetapkan hukum wajib ataupun sunat kerana makna hadis ini ialah sekitar perintah Nabi kepada bidan khatan itu dan bukanlah perintah kepada perempuan-perempuan lain supaya berkhatan.

iv. Hadis Kemuliaan Khatan Perempuan

Nabi (s.a.w) bersabda:

الختان سنة للرجال مكرمة للنساء

“Khatan itu sunat bagi lelaki dan kemuliaan bagi perempuan”

(H.R. Ahmad, Al-Tabarani dan Al-Baihaqi)

Status sanad: Kesemua riwayat hadis ini telah dinilai sebagai daif dan sangat daif oleh ulama hadis seperti Al-Iraqi (t.t), Al-Baihaqi dan Al-Albani. Maka hadis ini tetap tidak boleh dijadikan hujah dan sumber penetapan hukum seperti wajib atau sunat untuk amalan ini.

Analisis Matan: Sanad yang lemah ini akan menjadikan kandungan hadisnya juga lemah dan tidak boleh dijadikan sumber hukum melainkan ada sokongan daripada hadis sahih lain. Katakanlah hadis ini sahih sekalipun, ia difahami bahawa khatan bagi perempuan bukanlah wajib dan tidak pula sunat. Ia sekadar sesuatu yang menjadi kemuliaan seperti yang diterima dalam mazhab Maliki. Dr. Yusuf Al-Qaradhawi menyatakan bahawa makrumah (kemuliaan) yang dimaksudkan ini adalah apa yang dipandang baik oleh adat setempat dan tidak ada sebarang dalil syarak yang mewajibkannya mahupun menjadikan ia sunat. Justeru persepsi kemuliaan ini boleh berubah. Ini kerana, sesuatu amalan yang dianggap baik di satu tempat atau zaman, boleh jadi dianggap tidak baik di tempat dan zaman yang lain. Maka, dengan sebab itu kita melihat ada negara-negara majoriti Muslim yang tidak melakukan amalan ini seperti negara-negara Teluk dan utara Afrika.”

7

Di manakah pendirian kerajaan Malaysia dalam isu khatan perempuan?

Debat berkaitan khatan perempuan di Malaysia selalunya berkisar kepada cara dan istilah dan adakah ia termasuk dalam kategori FGM atau tidak. Istilah yang dirujuk adalah *Female Genital Circumcision/Cutting (FGC)*. Perdebatan ini menjadi lebih serius apabila kerajaan Malaysia melalui wakilnya dalam konvensyen CEDAW pada 2018 mempertahankan bahawa khatan perempuan di Malaysia tidak termasuk dalam kategori FGM. Namun, dakwaan ini telah dibantah oleh ahli panel CEDAW dan negara-negara ahli termasuklah daripada negara-negara majoriti umat Islam.

Hakikatnya, dakwaan ini tidak berasaskan jika kita merujuk kembali definisi WHO, bahawa segala bentuk prosedur ke atas genitalia perempuan dewasa atau kanak-kanak perempuan yang bukan untuk tujuan perubatan adalah termasuk dalam kategori FGM. Ia sekaligus menolak dakwaan yang khatan tidak tergolong dalam kategori FGM. Penafian dilihat sebagai salah satu cara untuk meneruskan amalan ini.

Pada 2018, ketika ditanya tentang amalan khatan perempuan di Malaysia dan pendirian kerajaan berkenaan isu ini, Timbalan Perdana Menteri, Dr. Wan Azizah

Wan Ismail dan Menteri Kesihatan Malaysia, Dr. Dzulkefly Ahmad menjawab khatan perempuan hanyalah satu budaya yang diamalkan sejak dahulu dan amalan di Malaysia berbeza jika dibandingkan dengan apa yang diamalkan oleh negara-negara Afrika. Jawapan ini juga dikritik oleh banyak pihak kerana kerajaan dilihat tidak serius untuk menghentikan amalan ini. Sehingga hari ini, amalan ini tidak pernah dilarang oleh mana-mana undang-undang di Malaysia.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) mengkritik wakil kerajaan yang memberi penjelasan tidak meyakinkan serta mengelirukan berkenaan amalan khatan perempuan di Malaysia dalam Laporan Berkala Sejagat (UPR) kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang diadakan pada Oktober 2018 di Geneva, Switzerland. Selain daripada dikritik keras oleh ahli Jawatankuasa CEDAW yang terdiri daripada enam orang wakil negara-negara Pertubuhan Kesatuan Islam (OIC) seperti Mesir, Bangladesh, Turki, Lubnan, Algeria dan Mauritania, mereka menyifatkan amalan di Malaysia tidak menepati ajaran Islam dan fatwa perlu dinilai semula dan mengambil contoh negara-negara Islam lain.

8

Oleh kerana khatan perempuan juga melibatkan isu kesihatan, maka apakah pendapat daripada para pakar kesihatan?

Bagi UNICEF (2020), FGM adalah satu bentuk pencabulan hak asasi dan keganasan ke atas kanak-kanak perempuan dan perempuan dewasa. Walaupun FGM Jenis 4 yang rata-rata diamalkan di Malaysia dikatakan mempunyai risiko dan kemudaratan yang rendah kerana ia tidak melibatkan pembuangan bahagian tisu faraj, namun tiada kajian dan jaminan yang menyatakan amalan khatan perempuan di Malaysia bebas daripada risiko atau kemudaratan yang bakal timbul. Kajian-kajian merumuskan semua jenis prosedur tiada manfaat kepada kesihatan kanak-kanak perempuan dan perempuan dewasa.

Seperti yang disebut sebelum ini, tiada Prosedur Operasi Standard (SOP) khusus untuk amalan khatan perempuan di Malaysia dibekalkan oleh mana-mana pihak berkuasa kesihatan, dan ia berbeza keadaannya dengan khatan lelaki. Tata caranya berbeza dan hanya berdasarkan ilmu turun-temurun daripada orang-orang tua atau doktor senior yang pernah mengkhatkankan kanak-kanak perempuan. Ia tidak pernah diajar di mana-mana fakulti perubatan.

“Sebagai pengamal perubatan, kita menjalankannya hanya berdasarkan asas perubatan dan saintifik. Tidak seperti khatan lelaki, tiada bukti menunjukkan amalan khatan ini bermanfaat dan prosedurnya adalah berisiko”,

kata Dr. Harlina Siraj (2016), pakar sakit puan yang pernah mengetuai Jabatan Pendidikan Perubatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau menyifatkan amalan ini sebagai ‘penghinaan’ terhadap perempuan dan tiada dalam sejarah yang menunjukkan Rasulullah “mengkhatkankan” anak perempuan baginda¹⁵.



¹⁵ Khatan perempuan tiada dalam Islam, kata pakar (2016).

Perlu ditekankan di sini juga, pengamal perubatan yang menjalankan prosedur khatan ini yakin bahawa ia bukanlah alasan perubatan tetapi merupakan tanggungjawab bagi mengelakkan mudarat lebih besar jika ia dilakukan di luar premis kesihatan yang tidak terjamin tahap keselamatan serta kebersihan peralatan ketika prosedur dilakukan. Menurut kajian, persepsi pengamal perubatan terhadap pelanggan yang meminta melakukannya, percaya ia hanyalah disebabkan faktor agama dan budaya dan bukannya faktor kesihatan.

Usaha ‘medicalisation’ amalan khatan perempuan di Malaysia yang ‘unik’ ini menimbulkan keimbangan komuniti antarabangsa seperti UNFPA, UNICEF, *The International Confederation of Midwives*, dan *The International Federation of Gynaecology and Obstetrics*¹⁶. WHO sendiri selaku badan berwibawa kesihatan dunia tidak pernah menyokong apa bentuk prosedur yang dilakukan oleh pengamal perubatan profesional dan penyedia perkhidmatan kesihatan dan ia dianggap bercanggah dengan etika asas penjagaan kesihatan.¹⁷


Lebih malang dan membimbangkan, dalam sebuah kajian berkaitan ‘medicalisation’ amalan khatan ini, ramai doktor sendiri khususnya doktor Muslim tidak peka tentang pendirian badan-badan antarabangsa yang menentang amalan khatan perempuan, bahkan kebanyakannya mahu amalan ini diteruskan. Sebab itulah Malaysia terus menjadi perhatian dan perbualan dunia berkaitan amalan khatan perempuan ini (Rashid, A., Iguchi, Y., & Afiqah, 2020).

¹⁶ International Day of Zero Tolerance for Female Genital Mutilation (FGM).

¹⁷ Female genital mutilation: a joint WHO/UNICEF/UNFPA statement. m. 8.

Kerisauan ini terbukti melalui laporan luar negara apabila kenyataan daripada wakil Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa pertemuan dengan wakil CEDAW pada tahun 2018, mengakui sekurang-kurang 15% mangsa amalan khatan ini mengalami kesan sampingan atau komplikasi selepas prosedur ini dilakukan. Tambahan pula, dalam pembentangan di hadapan ahli Jawatankuasa CEDAW yang sama, amalan khatan perempuan di Malaysia telah diklasifikasikan semula di bawah Jenis 1 (a) selepas 10 tahun ia diklasifikasikan sebagai Jenis 4.¹⁸

Untuk rujukan, WHO (2018) mengklasifikasikan lagi FGM **Jenis 1** kepada dua (2) bentuk; Jenis **1 (a)** Pembuangan prepuce/clitoral hood sahaja, dan Jenis **1 (b)** Pembuangan clitoral glans dan prepuce/clitoral hood. (m. 27)



(Sumber: WHO: Care of Girls & Women Living with Female Genital Mutilation, 2018)

¹⁸ Abdullah, A.

9

*Pendapat manakah
yang kukuh dalam
menilai amalan
khatan perempuan?*

Tiada rujukan daripada al-Quran berkaitan amalan ini, maka satunya sumber tertinggi di sini adalah hadis. Hadis pula hanya hadis jenis *marfu'* dibahaskan berdasarkan kaedah bahawa sesuatu penetapan hukum berunsur perintah seperti wajib dan sunat hanya dapat diambil daripada hadis jenis ini. Kemudian hadis dinilai melalui status perawinya dan seterusnya kandungan hadis tersebut.

Mengikut al-Syaukani, tiada langsung rekod mana-mana ahli keluarga perempuan (anak dan isteri) dalam keluarga Nabi (s.a.w) telah melalui prosedur khatan. Jika benar ia sebahagian tuntutan dan sunnah dalam Islam, sudah pasti ahli keluarga perempuan baginda disuruh melakukannya sebagai bukti amalan khatan perempuan ini diperintah dalam Islam.

Hal ini ditegaskan oleh Dr. Ali Jumu'ah (2017) dengan kenyataan beliau bahawa **"tidak ada bukti daripada Nabi SAW yang menunjukkan bahawa baginda mengkhatakan anak-anak perempuan baginda. Baginda membiarkan anak-anaknya untuk tidak dikhatarkan walaupun dalam keadaan amalan ini berleluasa di Madinah, dan baginda adalah contoh ikutan kita, yang sedang menerangkan kepada kita jalan yang lurus dalam hal ini (untuk tidak mengkhatakan anak perempuan)."**

Katakanlah jika hadis-hadis yang menyebut tentang *khifadh* atau khatan adalah sahih tetapi ia tidak diamalkan, maka ia tidak dikira sebagai perintah hukum agama. As-Syatibi dalam kitabnya, *Al-Muwafaqat* menyebut jumhur ulama menerima kaedah jika hadis yang menyebut perkara tertentu tetapi ia tidak diamalkan orang ketika itu, maka ia tidak menjadi satu perintah untuk diamalkan. Ini termasuklah merujuk kepada amalan Ahli Madinah dan Ahlul Bayt (ahli keluarga) Nabi (s.a.w) seperti yang diterima oleh Imam Malik bin Anas. Seorang sarjana Islam moden, Dr. Mohammad Salim Al-Awwa (2018) menyatakan sejumlah ulama Islam menolak kesahihan hadis yang dikaitkan dengan amalan khatan perempuan seperti Imam Al-Iraqi, As-Syaukani, Sayyid

Sabiq, Dr. Yusuf al-Qaradhwai dan ramai lagi. Desakan yang sama untuk menolak amalan khatan perempuan ini didukung oleh cendekiawan terkemuka tempatan, Prof. Mohammad Hashim Kamali (2018). Beliau menyatakan ulama Islam menolak amalan ini kerana menimbulkan lebih banyak mudarat.

Bekas Mufti Terengganu, Dato' Ismail Yahya (2020) juga mempertikai asal-usul amalan ini dan menyatakan tiada satu pun teks agama menyokong amalan ini. Ketika menjawat jawatan Mufti Terengganu dari tahun 2006 hingga 2008, beliau adalah antara minoriti agamawan yang tidak bersetuju sama sekali dengan fatwa berhubung khatan perempuan yang telah dikeluarkan pada tahun 2009 itu.

Statistik terkini juga menunjukkan peratusan amalan khatan perempuan kian menurun dalam tahun-tahun kebelakangan ini terutama di negara-negara yang biasa mengamalkannya. Ini membuktikan amalan khatan perempuan tidak lagi dilihat sebagai



perintah dan dinafikan amalannya dalam agama. Tidak dinafikan hujah dominan yang menyokong amalan khatan perempuan adalah daripada pemikiran patriarki yang ingin mengawal keupayaan seksualiti perempuan dengan melemahkan rangsangan seksualnya. Perkara ini bercanggah dengan mesej-mesej Nabi SAW yang mahu mengangkat maruah dan martabat kaum perempuan.

Berdasarkan hujah-hujah yang dibahaskan sebelum ini, tiada *ijmak* (konsensus ulama) yang jelas tentang hukum amalan khatan perempuan dikalangan ulama. *Ijmak* tentang hukum khatan perempuan tidak ada kerana memang tiada dalil yang qat'ie (pasti dan jelas) tentangnya. Harus difahami bahawa pandangan yang berlainan di kalangan ulama disebabkan beberapa faktor seperti ilmu masing-masing yang mungkin berbeza seperti dalam bidang perubatan, psikologi dan fasiliti keperluan lain. Namun, terbukti keadaan telah pun berubah apabila ulama moden menyedari hakikat ini dan mengorak langkah proaktif menilai serta mengeluarkan fatwa yang lebih tegas melarangnya.

Prinsipnya jelas di sini, proses penetapan hukum amalan khatan perempuan tidak terhenti pada perbahasan teks kerana ia melibatkan isu kesihatan manusia yang mengambil kira hujah perubatan semasa. Ia adalah sebahagian daripada tuntutan Maqasid Syariah iaitu *Hifz An-Nafs* (menjaga nyawa).

Hukum fekah yang lama bukanlah bersifat tetap bahkan *ijtihad* fekah boleh berubah mengikut peredaran zaman dan penemuan baru. Kajian yang mendalam berkaitan amalan khatan perempuan termasuk impak terhadap kehidupan mangsa boleh mengukuhkan atau mengubah fatwa sedia ada bahawa amalan khatan perempuan terbukti tiada manfaat bahkan meninggalkan kesan mudarat kepada kesihatan fizikal serta mental perempuan.



10

Apakah usaha yang boleh kita ambil untuk menghentikan amalan khatan perempuan di Malaysia?

Bertitik-tolak daripada langkah-langkah yang disaran oleh WHO (2010), kita juga boleh meningkatkan serta memperkuuh keperluan mengambil bahagian dalam semua sektor seperti kesihatan, pendidikan, kewangan, sistem keadilan dan hal ehwal perempuan.

Antara amalan terbaik (*best practices*) yang dicadangkan WHO untuk menghentikan amalan FGM atau khatan perempuan adalah seperti berikut:

- i. **Advokasi:** Membangunkan bahan-bahan penerbitan dan advokasi untuk usaha peringkat nasional, negeri dan tempatan. Ini termasuklah advokasi dalam komuniti sasar itu sendiri.
- ii. **Kajian:** Menjana pengetahuan berkaitan sebab dan kesan amalan itu, bagaimana menghentikan dan mengendalikan mangsa. Peruntukan kajian yang signifikan diperlukan.
- iii. **Panduan untuk sistem kesihatan:** Membangunkan bahan dan panduan latihan untuk pengamal perubatan bagi membantu dan merawat mangsa yang terkesan dengan prosedur yang menjelaskan kesihatan mereka.
- iv. Membina **jaringan dan sokongan komuniti** bagi ibu bapa yang mahu menghentikan amalan khatan perempuan yang diwarisi daripada keluarga, atau yang menghadapi tekanan daripada keluarga untuk melakukan amalan tersebut.
- v. Mempertingkat sesi **libat urus dan resolusi** bersama secara berterusan.

vi. Memperkasa **penglibatan pemerhati** dalam dan luar negara dalam memantau hal ehwal berkaitan khatan perempuan.

vii. Mengumpul sokongan politik dan menilai kembali kerangka perundungan bagi **menambah baik dasar** sedia ada.

viii. Meningkatkan **penglibatan komuniti yang mengamalkan khatan perempuan** yang terdiri daripada lelaki dan perempuan dengan komitmen bagi menghentikannya.

Bagi pihak berkuasa agama di Malaysia pula, tiba masanya ahli-ahli jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan menilai kembali fatwanya mengenai amalan khatan perempuan ini memandangkan tiada perintah dan suruhan jelas untuk melakukannya baik di dalam al-Quran dan Hadis sahih. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) boleh bertindak sebagai urus setia bagi mengadakan sesi libat urus secara intensif bersama pihak berkuasa agama di negeri-negeri, pengamal perubatan, organisasi dan pertubuhan perempuan dan kanak-kanak, dan organisasi Islam antarabangsa. Prosesnya tidak boleh bersifat satu hala tanpa penglibatan pihak-pihak berkepentingan dalam hal ini khususnya pakar perubatan dan pertubuhan-pertubuhan perempuan dan kanak-kanak.

Fatwa di peringkat negeri yang mewajibkan amalan khatan perempuan wajar dikaji semula. Negeri mempunyai bidang kuasa perundungan lebih jelas berkaitan hal ehwal Islam seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Maka bagi menghormati semangat demokrasi berparlimen dan ketelusan, apa sahaja bentuk fatwa negeri (warta ataupun tidak warta) mestilah melalui proses pembentangan dan perbahasaan di dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) terlebih dahulu. Semak dan imbang tetap perlu berjalan kerana ia melibatkan kepentingan awam.

Jika dilihat pada perkembangan amalan FGM atau khatan perempuan di peringkat global, walaupun ada negara-negara telah menggubal undang-undang untuk mengurangkan atau menghapuskan amalan ini, tetapi dari segi pelaksanaan dan penerimaannya, ia masih berada pada tahap yang lemah. Ia memerlukan kesiapsiagaan masyarakat itu sendiri terhadap undang-undang yang bakal digubal.

Masyarakat tidak akan berubah secara automatik kerana ia merupakan tanggungjawab kolektif bersama antara kerajaan dan masyarakat. Sebagai contoh, kerajaan melalui agensi-agensinya mesti bekerja keras meyakinkan masyarakat dalam aspek cara fikir, tradisi dan kepercayaan terhadap amalan khatan perempuan. Masyarakat pula perlu terus mendidik komuniti masing-masing akan keperluan menghentikan amalan yang tidak memberi manfaat bahkan memudaratkan perempuan.

Pada akhirnya, meningkatkan tahap kesedaran dan pendidikan di kalangan perempuan itu sendiri adalah satu keperluan. Merekalah kunci kepada titik noktah amalan ini ke atas anak-anak perempuan mereka. Tidak kurang penting, pendidikan tentang kesihatan reproduksi mesti diberikan kepada kanak-kanak perempuan di awal usia mereka lagi.

Jika komuniti yang mengamalkannya bertekad meninggalkan khatan perempuan, amalan ini berpotensi besar untuk pupus dengan cepat. Ini memerlukan komitmen dan kerjasama semua pihak secara proaktif bagi menghentikan amalan khatan perempuan di Malaysia.

Berdasarkan hujah-hujah di atas, kerajaan selaku badan yang mempunyai tanggungjawab untuk menghentikan amalan khatan perempuan yang tidak bermanfaat ini wajib mengambil langkah agresif seperti melaksanakan dasar untuk melindungi perempuan dan kanak-kanak perempuan. Kerajaan perlu menetapkan tahap kecederaan atau kemudaratkan ke atas bayi yang melalui prosedur khatan ini. Isu berkenaan ‘consent’ atau kebenaran ibu/bapa perlu jelas supaya pengamal perubatan tidak sesuka hati melakukan prosedur ini tanpa pengetahuan ibu/bapa dengan andaian untuk memenuhi tanggungjawab agama.

GLOSARI

Ijmak	Kesepakatan para mujtahid kalangan umat Islam pada suatu zaman tertentu terhadap suatu hukum selepas kewafatan Nabi SAW.
Ijtihad	Usaha dalam mengistinbat (mengeluarkan) hukum syarak.
Jahalah	Tidak dikenali.
Majhul	Tidak dikenali.
Makrumah	Kemuliaan.
Maqasid Shari'ah	Tujuan syariat.
Maqtu'	Perkara yang disandarkan kepada para Tabi'in (pengikut) sama ada perbuatan, perkataan dan juga taqrir: <i>diam dan tidak membantah</i> .
Marfu'	Perkara yang disandarkan kepada Nabi (s.a.w) sama ada perbuatan, perkataan dan juga taqrir.
Matan	Teks hadis.
Mauquf	Perkara yang disandarkan kepada para Sahabat sama ada perbuatan, perkataan dan juga taqrir.
Munkar	Sangat lemah.
Qiyas	Menghubungkan apa-apa yang tidak ada nas al-Quran atau hadis atas hukumnya, dengan sesuatu yang ada nas hukum disebabkan persamaan <i>illah</i> (sebab) di antara kedua-duanya.
Sanad	Rangkaian periwayat hadis.
Tabi'in	Pengikut yang berguru dengan para Sahabat tetapi tidak bertemu Nabi (s.a.w).
Tarjih	Menguatkan salah satu daripada hujah/dalil yang lain.

RUJUKAN

Abdullah, A. (2019). Female circumcision and human rights. <https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2019/08/510963/female-circumcision-and-human-rights>

Ahmad Tajuddin, M. A. H. (2019). Hadis-hadis khatan perempuan: Suatu penilaian semula serta implikasi terhadap diskusi semasa. Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Azlan Shah, Perak

Al-Adawi, A. (1994). *Hasyiah al-'adawi 'ala syarh kifayah al-talib al-rabbani*. Beirut: Darul Fikr. Jilid 1.

Al-Aini, B. (2000). *Al-Binayah fi syarh al-hidayah*. Beirut: Darul Kutub Al-Ilmiah. Jilid 1.

Al-Awwa, M. (2018). FGM in the context of Islam. International Federation of Islamic Scholars.

Al-Dimyati, A. (1997). *I'anah al-alibin 'ala hall alfaz fath al-mu'in*. Beirut: Dar Al-Fikr. Jilid 4.

Al-Haitami, I. H. (1983). *Tuhfah al-muhtaj fi syarh al-minhaj*. Mesir: Maktabah Al-Tijariah Al-Kubra. Jilid 9.

Al-Hibri, A., et al. (2018). Debunking the myth that Islam requires female circumcision. KARAMAH Research Division, U.S.A.

Al-Husaisi. (1999). *Al-Ma'ani Al-Badi'ah fi Ma'rifati Ikhtilaf Ahl As-Syariah*. Beirut: Darul Al-Kutub Al-Ilmiyyah. Jilid 1.

Ali Gomaa: FGM is haram because it harms health. The Prophet did not circumcise his daughters. (2017). <https://www.youm7.com/story/2017/10/30/%D8%AA%D8%A7%D8%A6%D9%86-%D8%A7%D9%84%D8%A7%D9%86%D9%85-%D8%AA%D9%85%D9%8A%D9%87%D9%8A%D9%86/>

Al-Juwaini, A. M. (2007). *Nihayah Al-Mathlab fi Dirayah Al-Mazhab*. Beirut: Darul Minhaj. Jilid 17.

Al-Qaradhawi, Y. (2007). *Al-Hukm al-shar'i fi ihatan al-Inath*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Al-Qarafi. (1994). *Al-Dakhirah*. Beirut: Dar al-Gharb.

Al-Qarawiy, M. (t.t.). *A. Al-Khulasah Al-Fiqhiyyah 'ala Mazhab As-Saadah Al-Malikiyyah*. Al-Maktabah As-Syamilah Al-Hadithah.

Al-Raf'i, A. (1997). *K. Al-Aziz Syarh al-Wazir*. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah. Jilid 11.

Al-Syanqiti, A. (2007). *Syarh zaad al-mustaqqi' fi ikhtisar al-muqni'*. Riyad: Al-Ri'asah Al-Ammah. Jilid 1.

Al-Syaukani. (2006). *Nail al-authar*. Dar Ibn al-Jauzi.

Al-Zuhayli, W. (1985). *Al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr.

Asri, A. (2016, October 17). Khatan perempuan tiada dalam Islam, kata pakar. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/10/17/khatan-perempuan-tiada-dalam-islam-kata-pakar/>

Dahlui, M. (2011). The status of female circumcision in Malaysia. Laporan penyelidikan yang dibentangkan di Universiti Sains Malaysia.

Hassan, M. A (2019). Hadis-hadis khitan wanita: suatu penilaian semula serta implikasi terhadap diskusi semasa. https://www.researchgate.net/publication/338594103_HADIS-HADIS_KHITAN_WANITA_SUATU_PENILAIAN_SEMULA_SERTA_IMPLIKASI_TERHADAP_DISKUSI_SEMASA

Hukum berkhatan bagi perempuan Muslim. (2013). <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/find/pr/12157>

Hukum bersuntat bagi bayi perempuan? (2002). Al-Ahkam.net. <http://www.al-ahkam.net/home/content/sj-1932-hukum-bersuntat-bagi-bayi-perempuan>

Hukum khatan anak perempuan. (2019). <https://mufti.perlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/136-hukum-khatan-anak-perempuan>.

Hukum pemotongan genitalia perempuan (female genital mutilation). (2009). <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15253>

Ibn Taimiyyah. (1991). *Majmu' Al-Fatawa*. Riyad: Dar 'Alim Al-Kutub. Jilid 21.

Jabatan Mufti Negeri Selangor. (n.d.). Soal jawab berkaitan khatan dalam Islam.

Kamali, M. H. (2018). Female genital mutilation forbidden in Islam. <https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2018/12/440436/female-genital-mutilation-forbidden-islam/>

Khatan bayi perempuan di Malaysia berbeza - Dr. Dzulkefly. (2018). Bernama. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/khatan-bayi-perempuan-di-malaysia-berbeza-Dr-dzulkefly-191357>

Rashid, A., Iguchi, Y., & Afiqah, S. N. (2020). Medicalization of female genital cutting in Malaysia: A mixed methods study. PLoS medicine. <https://doi.org/10.1371/journal.pmed.1003303>

The Islamic view of female circumcision. (2007). <https://www.dar-alifta.org/Foreign/ViewArticle.aspx?ID=125&text=circumcision>

UNFPA. (2015). International day of zero tolerance for female genital Mutilation (FGM). <http://eeca.unfpa.org/events/international-day-zero-tolerance-female-genital-mutilation>

UNICEF. (2015). Female genital mutilation/cutting: A global concern. <https://data.unicef.org/resources/female-genital-mutilationcutting-global-concern/>

UNICEF. (2016). New statistical report on female genital mutilation shows harmful practice is a global concern. https://www.unicef.org/media/media_90033.html

UNICEF. (2020). Female genital mutilation (FGM). <https://data.unicef.org/topic/child-protection/female-genital-mutilation/#more--1556>

UNICEF. (n.d.). FGMC info. https://www.unicef.org/spanish/protection/files/00-FMGC_infographicclow-res.pdf

UN: more than 200 million females affected by genital cutting. (2016). <https://www.dw.com/en/un-more-than-200-million-females-affected-by-genital-cutting/a-19028231>

Where does the Arab world stand on female genital mutilation? (2018). <https://www.dw.com/en/where-does-the-arab-world-stand-on-female-genital-mutilation/a-42472991>

WHO. (1997). Female genital mutilation: A joint WHO/UNICEF/UNFPA statement. Geneva.

WHO. (2010). Female genital mutilation. <https://www.who.int/news-room/detail/female-genital-mutilation>

WHO. (2018). Care of girls and women living with female genital mutilation: A clinical handbook. Geneva.

Yahya, I. (2020). Khatan/khitan/sunat perempuan.

SIS Forum (Malaysia)

(266561 W)



@SistersInIslam



@OFFICIALSIS



SistersInIslamMYS



sistersinislam.my

A No 4, Lorong 11/8E, 46200
Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

E sis@sistersinislam.org.my

T +603 7960 3357

+603 7960 5121

+603 7960 6733

F +603 7960 8737

<https://sistersinislam.org>

sisters in islam

ISBN 978-983-2622-49-9



9 7 8 9 8 3 2 6 2 2 4 9 9